

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : SISTEM SELANGKAH

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pelaksanaan Program Selangkah Covid-19 Negeri Selangor.
- b) Syarikat manakah yang membangunkan sistem tersebut?
- c) Sejauh manakah keberkesanan sistem tersebut dalam mengekang dan mengesan individu yang dijangkiti wabak Covid-19 di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memperluaskan Program Pusat Tuisyen Rakyat Selangorku kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama?
- b) Jika ada hasrat memperluaskan program tersebut, nyatakan kos anggaran yang akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BANTUAN MASUK UNIVERSITI

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah permohonan bantuan anak masuk universiti setiap DUN.
- b) Apakah kriteria utama bagi pemohon yang ingin memohon bantuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tiada perincian data bagi jumlah permohonan bantuan Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) bagi setiap DUN pada masa kini.
- b) Pemohon yang berminat untuk memohon Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) perlu menepati syarat-syarat kelayakan seperti berikut:
 - 1) Pemohon, ibu dan bapa adalah Warganegara Malaysia.
 - 2) Pemohon, ibu dan bapa mestilah terdiri daripada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - i. Pemohon lahir dan menetap di Negeri Selangor; atau
 - ii. Ibu atau bapa pemohon lahir dan menetap di Negeri Selangor; atau
 - iii. Pemohon telah bermastautin dan bersekolah di Negeri Selangor tidak kurang dari 11 tahun dan menetap di Negeri Selangor dan ibu atau bapa telah bermastautin dan menetap di Negeri Selangor selama 11 tahun.
 - 3) Pemohon ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian sepenuh masa di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil Kemahiran Tahap 4 sahaja.
 - 4) Pemohon telah mendaftar diri di IPT bagi memulakan sesi pengajian.
 - 5) Pemohon adalah pelajar tahun pertama sahaja.
 - 6) Pemohon mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - 7) Pendapatan isi rumah Ibu, Bapa atau penjaga pemohon berjumlah RM5,000 dan ke bawah sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PTRS

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan status terkini Program Tuisyen Rakyat Selangor.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah pembinaan baru sekolah rendah agama (SRA) mengikut daerah dari tahun 2016-2019.
- b) Apakah kriteria utama bagi tujuan pembinaan sekolah rendah agama (SRA) di mana keperluan mendesak di kalangan penduduk di Bandar Bukit Mahkota Bangi?

JAWAPAN:

- a) Dua buah sekolah sahaja yang dibina iaitu SRA Denai Alam dan SRA Country Homes dari tahun 2016-2019.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan keperluan bangunan sekolah di mana-mana lokasi atau tempat termasuk di kawasan Bandar Bukit Mahkota. Walau bagaimanapun, kriteria cadangan pembinaan telah disediakan seperti berikut:
 - i. Terdapat sekolah KAFA/ SRA yang jumlah muridnya terlalu ramai dengan fizikal yang tidak sepatutnya
 - ii. Bangunan sekolah terlalu uzur dan daif.
 - iii. Kawasan penempatan utama, tetapi sekolah KAFA menumpang sekolah kebangsaan atau menyewa bangunan rumah kedai/ industri.
 - iv. Kedudukan bangunan SRA terlalu jauh dan terlalu padat daripada kawasan penempatan penduduk yang baru.
 - v. Tanah/ tapak yang disediakan oleh pemaju melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, telah diwartakan dan merupakan tanah/ tapak yang sesuai didirikan bangunan sekolah.
 - vi. Pihak pemaju telah menyediakan keperluan infra di lokasi tapak yang disediakan untuk membolehkan SRA dapat didirikan dengan tiada menggunakan kos tambahan yang banyak.
 - vii. Tidak terdapat SRA yang berdekatan atau sukar untuk lokasi sekolah contoh perhubungan jalan terlalu sukar.
 - viii. Keperluan bajet mendapat kelulusan oleh pihak Kerajaan atau pertimbangan Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sumbangan dan tajuk program oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mengikut DUN sepanjang tahun 2020?
- b) Nyatakan sumbangan mengikut GLC pada tahun 2020 sehingga bulan Jun.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR ICT

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan infrastruktur ICT yang telah disediakan di kawasan Orang Asli.

- b) Senaraikan projek baru atau baik pulih bagi infrastruktur ICT mengikut DUN yang telah dilakukan.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KAWALAN HARGA RUMAH

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kenaikan harga rumah tidak terlalu mendadak terutamanya di kawasan bandar.
- b) Nyatakan jumlah permohonan bagi pembinaan kawasan perumahan mengikut daerah di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa rakyat Negeri Selangor memiliki rumah sendiri khususnya untuk golongan B40. Bagi memastikan kenaikan harga rumah tidak terlalu mendadak, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 02 April 2018. Melalui dasar tersebut terdapat Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang dijual bermula dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 700 kaki persegi hingga 900 kaki persegi (jenis perumahan bertingkat) manakala 700 hingga 1,000 kaki persegi dan saiz 20' x 60' (jenis perumahan teres / bertanah). Selain itu, peruntukkan peratusan pembinaan Rumah Selangorku ini adalah di antara 20% hingga 40% di setiap pembangunan perumahan. Dengan adanya Rumah Selangorku ini, ianya dapat mengimbangi harga jualan dengan Rumah Harga Bebas yang berdasarkan kepada permintaan pasaran semasa.

Melalui dasar tersebut, pihak pemaju/ pemilik tanah dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut zon/ kawasan pembangunan. Bagi zon 1 pembangunan, tapak pembangunan di bawah 5 ekar dikenakan syarat 20% Rumah Selangorku, 5 ekar hingga 10 ekar 20% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 40% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Bagi zon 2 pembangunan pula, tapak pembangunan melebihi 5 ekar hingga 10 ekar dikenakan syarat 15% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 30% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Manakala bagi zon 3 pembangunan pula, tapak pembangunan melebihi 10 ekar hingga 20 ekar dikenakan syarat 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 30% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju/ pemilik tanah adalah menjadi keutamaan/ tanggungjawab pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk memastikan komposisi/ syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut dipatuhi berdasarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) bagi memastikan Rumah Selangorku berada di pasaran sekaligus boleh ditawarkan kepada pembeli yang layak termasuk golongan B40.

- b) Tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : MASALAH DENGGI

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung masalah Denggi ini yang semakin meningkat?
- b) Senaraikan jumlah kos program dan program sepanjang tahun 2020 dalam membendung masalah Denggi.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SISTEM CCTV

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kawasan baru yang telah dipasang CCTV mengikut DUN sepanjang tahun 2020.
- b) Apakah kriteria utama bagi tujuan pemasangan CCTV di sesuatu kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2020, kerja-kerja pemasangan CCTV baharu telah ditunda seketika ekoran Perintah Pengawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksana bagi membendung penularan wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telah mengenalpasti dan memuktamadkan spesifikasi teknikal bagi pemilihan kawasan untuk pemasangan 100 unit awal CCTV yang dijangka selesai pada suku keempat 2020 ini di seluruh Negeri Selangor.
- b) Kriteria utama pemilihan kawasan untuk pemasangan CCTV baharu bagi tahun 2020 adalah berdasarkan objektif Smart Selangor untuk mewujudkan Bandar Selamat di Negeri Selangor berdasarkan keperluan pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Ibu Pejabat Polis Daerah, Negeri Selangor. Contohnya, kawasan yang dikenalpasti sebagai '*hotspot*' dan '*blackspot*' oleh PDRM. Contoh yang lain adalah seperti kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan pembuangan sampah haram, kesesakan lalu lintas, kawasan sekolah dan kawasan tadahan sumber air mentah Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : MASALAH PBT

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak PBT mempunyai garis panduan kepada masalah aduan anjing liar?
- b) Senaraikan operasi yang telah dibuat untuk menangkap anjing liar mengikut PBT di Selangor pada tahun 2019.

JAWAPAN:

- a) Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2014 semua PBT di Negeri Selangor menggunakan Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b) PBT Negeri Selangor sentiasa melaksanakan operasi penangkapan anjing liar berdasarkan aduan yang diterima serta menjalankan operasi tangkapan anjing liar secara berkala. Bilangan operasi yang dilaksanakan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

PBT	BILANGAN OPERASI TANGKAPAN ANJING TAHUN 2019
MBSA	1056
MBPJ	169
MPK	365
MPAJ	281
MPSJ	430
MPS	40
MPKj	3810
MPSp	150
MPKL	240

PBT	BILANGAN OPERASI TANGKAPAN ANJING TAHUN 2019
MDHS	24
MDKS	48
MDSB	203

Nota : Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PELABURAN

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan yang telah berjaya pada suku pertama dan kedua tahun 2020.
- b) Apakah strategi Invest bagi tahun 2020 untuk mencapai target pelaburan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelaburan yang telah berjaya pada suku pertama dan kedua tahun 2020 tidak dapat dinyatakan kerana statistik kelulusan projek perkilangan bagi tahun 2020 masih belum dikeluarkan oleh pihak MIDA.
- b) Walaupun statistik kelulusan projek perkilangan bagi tahun 2020 belum dikeluarkan oleh pihak MIDA, Kerajaan Negeri melalui MIDA tetap meneruskan program-program promosi bagi menarik pelaburan ke Negeri Selangor. Antara strategi-strategi yang dilaksanakan seperti;-
 - i. Meneruskan program-program libat urus bersama pemegang taruh dalam aktiviti pelaburan.
 - ii. Meneruskan program-program menyantuni pelabur dengan mengadakan lawatan-lawatan kilang bagi mengeratkan hubungan disamping membantu menyelesaikan permasalahan yang berbangkit untuk menggalakkan pihak syarikat membuat penambahan/ pengembangan pelaburan sedia ada.
 - iii. Membantu mempercepatkan proses kelulusan dan penyelesaian masalah yang berkaitan perlaksanaan projek-projek perkilangan menerusi mesyuarat penyelarasan projek pembangunan yang di pengurusikan oleh YB EXCO.
 - iv. Mengadakan program-program persidangan dan seminar secara maya (virtual). Sebagai contohnya webinar, online meeting.
 - v. Program-program promosi dan penerbitan iklan melalui media elektronik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**

(N51 SIJANGKANG)

TAJUK : SUMBER AIR BERSIH NEGERI SELANGOR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi memastikan sebarang gangguan terputusnya bekalan air tidak melebihi dari 1 hari keperluan penggunaan rakyat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menggunakan kaedah 'reverse osmosis'?

JAWAPAN:

- a) Tindakan oleh Air Selangor dalam memastikan gangguan bekalan air pada masa hadapan tidak melebihi dari 1 hari adalah seperti berikut:

1. Pelan Jangka Panjang

Air Selangor telah merangka pelan jangka panjang 'redundancy pipeline' bagi kawasan strategik dan berisiko tinggi yang bertindak sebagai bekalan alternatif sekiranya berlakunya gangguan bekalan air. Ia hanya mampu untuk mengawal sebahagian sahaja kawasan yang terjejas dan bukan keseluruhan. Inisiatif-inisiatif berikut hanya dapat dilaksanakan setelah rezab margin berada pada paras 10% sehingga 15%:

1.1 Program Penggantian Paip Jenis Asbestos Cement (AC)

438km paip usang/berusia jenis *Asbestos Cement* (AC) telah dan sedang diganti kepada paip jenis *Ductile Iron* (DI) dan *High-Density Polyethylene* (HDPE) dibawah program penggantian paip 2016 - 2018 yang menelan kos berjumlah RM367 juta. Bagi tempoh pelan perniagaan 2019 hingga 2021, Air Selangor merancang untuk menggantikan lagi 468km paip dengan jumlah peruntukan sebanyak RM399 juta.

1.2 Sensor Pintar (*Intelligent Sensor*) dan "Leak Detection Works"

Pada tahun 2018, Air Selangor telah memasang sensor pintar 'Intelligent Sensor' (Pressure Transient) disepanjang paip utama untuk mengesan 'pressure surges' dan kebocoran melalui 'alert' yang akan disalurkan ke 'Intelligent Command Center' (ICC). Sebanyak 66 kebocoran telah dapat dikesan setakat ini dalam tempoh satu (1) tahun pelaksanaannya. Selain itu, Air Selangor juga telah menjalankan usaha pengesanan kebocoran 'leak detection works' di paip-paip

utamanya. Bagi tempoh lima (5) bulan tahun 2020, 72 kebocoran telah berjaya dikesan di sepanjang 832km jajaran paip utama (pelan keseluruhan 2000km) dengan anggaran penjimatan NRW sebanyak 10.4 JLH.

2. Langkah-Langkah Berterusan

2.1 Lokasi-Lokasi Panas Projek Pembangunan Pihak Ketiga Yang Melibatkan Jajaran Paip Utama - Pemantauan Lokasi-Lokasi Panas Pihak Ketiga

- i. Terdapat 144 lokasi projek pembangunan yang dikategorikan “panas” yang boleh menyumbang kepada paip pecah berlaku disebabkan pihak ketiga yang dikenalpasti.
- ii. Bagi memantau keadaan tapak, pihak Air Selangor telah menubuhkan pasukan khas yang membuat pemantauan di tapak secara langsung dan berfungsi untuk meronda dan melaporkan sebarang penemuan serta mencegah insiden paip pecah daripada berlaku.

2.2 Kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor Bagi Pemantauan Pembangunan Pihak Ketiga

Merujuk kepada mesyuarat MTES Ke 25/2019 bertarikh 28 Ogos 2019, kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju melaksanakan syor pihak Air Selangor seperti berikut:

- i. Kelulusan permit kerja oleh PBT kepada mana-mana projek pembangunan perlu mendapat sokongan dan maklumbalas daripada Air Selangor yang melibatkan asset-asset perkhidmatan air di rezab jalan-jalan awam, rezab jajaran bekalan air dan berhampiran atau sempadan hak milik Air Selangor (cth: pemotongan tanah berhampiran Kolam Air/Rumah Pam); dan
- ii. Menambahkan klausa tambahan ke atas kelulusan permit kerja oleh PBT sekiranya kerja-kerja projek di tapak mengakibatkan paip pecah, pihak PBT berkuasa untuk mengeluarkan arahan pemberhentian kerja (Stop Work Order) untuk satu tempoh yang bersesuaian (sekurang-kurangnya 30 hari).

Tujuan pelaksanaan syor Air Selangor ini bagi menyelaraskan aktiviti pihak ketiga dalam pelaksanaan projek bertujuan untuk mengelakkan paip pecah.

- b) Kerajaan Negeri Selangor pada ketika ini belum bersedia untuk melaksanakan kaedah 'reverse osmosis' dalam merawat air yang akan dibekalkan kepada pengguna. Melalui kajian yang pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mendapati bahawa kos operasi loji dengan menggunakan kaedah ini tidak kurang pada harga RM0.80 per meter padu berbanding kaedah konvensional biasa pada lingkungan RM0.30 - RM0.40 per meter padu. Walaupun kaedah 'reverse osmosis' boleh menghasilkan kualiti air terawat yang sangat baik, ia akan melibatkan kepada kos operasi yang tinggi dan akhirnya akan meningkatkan kos harga air terawat yang akhirnya akan membebankan pengguna secara keseluruhan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : STATUS PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT
UTARA**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membatalkannya?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada keputusan MMKN Ke-7/2020 pada 19 Februari 2020 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-8/2020 pada 04 Mac 2020, Kerajaan Negeri mengekalkan pendirian berhubung keputusan mengenai pembatalan warta Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan usaha menggantikan danewartakan Hutan Simpanan Kekal di kawasan yang telah dikenal pasti dengan jumlah keluasan yang lebih besar. Sehubungan itu, proses pendengaran awam bagi pembatalan warta hutan simpan ini adalah diteruskan mengikut prosedur yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN DI DAERAH KUALA SELANGOR DAN SABAK
BERNAM**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di kawasan ini sejajar dengan pembangunan Lebuhraya Pantai Barat (WCE)?

JAWAPAN:

- a) Bagi daerah Sabak Bernam, jajaran Lebuhraya Pantai Barat (WCE) menggunakan Jalan Persekutuan 5 (FR5) iaitu Jalan Kuala Selangor ke Teluk Intan. Pembangunan WCE dijangka akan merencanakan lagi pembangunan di daerah Sabak Bernam terutamanya kawasan-kawasan yang dizonkan sebagai kawasan kediaman, komersial dan industri. Selain itu, pekan-pekan utama di daerah Sabak Bernam dijangka akan berkembang maju disebabkan jajaran WCE yang melalui pekan-pekan Sekinchan, Sungai Besar dan Sabak. Dalam sektor pelaburan pula, Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah menerima beberapa pelabur yang ingin membangunkan kawasan Sabak Bernam terutamanya kawasan Sungai Lang sebagai kawasan perindustrian disebabkan nilai tanah di kawasan tersebut masih rendah dan akses ke kawasan Lembah Klang semakin cepat dengan adanya WCE. Dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam akan mengenal pasti sektor-sektor serta aktiviti ekonomi yang berpotensi tinggi di Sabak Bernam sejajar dengan pembangunan WCE.

Bagi daerah Kuala Selangor pula, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah mengezonkan kawasan yang dijangka mempunyai laluan keluar WCE sebagai zon pembangunan. Contohnya di Hujung Permatang dizonkan sebagai zon perumahan dan hospital.

Selain daripada itu, daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam merupakan daerah yang telah disenaraikan di bawah Inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor iaitu kluster pertanian. Kluster ini merangkumi empat (4) kawasan utama di bahagian utara Selangor iaitu Kuala Selangor, Sabak Bernam, Tanjung Karang dan Sg. Air Tawar.

Untuk makluman, bermula dari tahun lepas Kerajaan Negeri telah memberikan tumpuan yang lebih kepada kluster pertanian memandangkan pertanian dan

perikanan merupakan sektor yang penting dalam menjamin bekalan makanan atau *food security* rakyat Negeri Selangor. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian tahun 2018 adalah sebanyak 1.4% dengan nilai sebanyak RM4.6 bilion. Dijangkakan pada tahun 2026, KDNK sektor pertanian Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada RM6 bilion.

Pelbagai usaha dan perancangan telah dirangka bagi meningkatkan sektor pertanian di daerah tersebut. Sebagai contoh projek tanaman jagung bijian kepada 50 hektar di Ulu Tinggi, Kuala Selangor oleh Syarikat GWG, projek tanaman sorghum HBG seluas 6 hektar di Sg. Panjang, Sabak Bernam, projek pengeluaran buah dan sayur di dalam kawasan Tg Karang – Sabak Bernam daripada 2,854 tan setahun kepada 3140 tan setahun dan lain-lain. Kerajaan Negeri juga sedang diperingkat pelaksanaan untuk membangunkan projek tanaman nanas MD2 di Sg. Panjang dengan keluasan tanah lebih kurang 57 ekar dan telah mengenalpasti kawasan baharu untuk projek-projek pertanian yang berlandaskan kepada dasar pertanian moden dan bernilai tinggi serta berpenghasilan tinggi sebagai contoh di Sg. Air tawar, Sabak Bernam.

Kesemua pelan pelaksanaan projek-projek tersebut apabila dilaksanakan kelak akan mewujudkan peluang sumber ekonomi kepada agropreneur-agropreneur baharu dan dalam masa yang sama akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat di kawasan-kawasan tersebut. Oleh yang demikian, sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah ianya boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan mengurangkan kebergantungan kepada bidang pekerjaan yang semakin mengecil khusus kepada generasi muda. Begitu juga dengan klusterisasi yang lain, tumpuan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kluster-kluster tersebut berkembang dan menjana ekonomi setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : KILANG HARAM KITAR SEMULA SISA PLASTIK, E-WASTE DAN
PELEBURAN ALUMINIUM**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kes dan penguatkuasaan yang telah dilakukan pada tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor sentiasa menjalankan pemantauan ke atas kilang tanpa kebenaran di sepanjang tahun ini termasuk aktiviti kilang haram kitar semula sisa plastik, e-waste dan peleburan aluminium. Hasil dari pemantauan sehingga bulan Jun 2020 didapati sebanyak 215 buah premis kilang di tujuh (7) buah PBT telah dikenalpasti dan diambil tindakan seperti berikut:-

1) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Pihak MBSA masih dalam proses bancian terhadap aktiviti kilang tanpa kebenaran. Antara hasil bancian tersebut, sebanyak 75 buah premis kilang yang merangkumi kilang kitar semula sisa plastik, e-waste dan peleburan aluminium telah dikenal pasti. MBSA telah memberi surat peringatan kepada pemilik kilang terlibat sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.

2) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

Pihak MPSJ telah mengenal pasti sebanyak empat (4) buah premis kilang yang menjalankan aktiviti kitar semula. MPSJ telah mengeluarkan Notis di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 672) kepada sebuah premis kilang dan dua (2) buah premis kilang lagi dalam proses pengeluaran Notis D. Manakala sebuah kilang telah diambil tindakan perobohan pada tahun 2019.

3) Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

Pihak MPS telah mengenal pasti sebanyak empat (4) buah premis kilang yang beroperasi tanpa kebenaran dan telah mengeluarkan sebanyak dua (2) kompaun di bawah Seksyen 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPS) 2007 dan dua (2) Kompaun di bawah Seksyen 46(1)d, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974.

4) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Pihak MPKj telah mengenal pasti sebuah kilang pemprosesan plastik secara haram dan tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil 11 – iaitu membuang sebarang *effluent* kecuali *effluent* yang ditetapkan Jadual Ketiga Peraturan 2 Kualiti Alam Sekeliling dengan denda sebanyak RM1,000.00.

5) Majlis Perbandaran Klang (MPK)

Pihak MPK telah menjalankan sebanyak 160 operasi dan mengenal sebanyak 119 premis kilang tidak berlesen telah dikenal pasti di mana sebuah daripadanya menjalankan aktiviti kilang peleburan aluminium. MPK telah mengeluarkan sebanyak 88 kompaun dan 242 Notis di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007.

6) Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)

Pihak MPKL telah mengenal pasti sebuah kilang yang menjalankan aktiviti peleburan aluminium tanpa kebenaran. Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Sepang telah dijalankan di mana tindakan pemotongan bekalan utiliti daripada pihak Suruhanjaya Tenaga telah diperolehi dan tindakan pemotongan telah diambil pada 30 Jun 2020.

7) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

Pihak MDHS telah menjalankan sebanyak 11 operasi bersepadu terhadap 11 premis yang dikenal pasti menjalankan aktiviti peleburan aluminium. Sebanyak 14 buah jentera pengangkut dan 4.3 tan jongkong aluminium telah disita. Manakala sebanyak 7 premis telah diberikan notis, sitaan dan penutupan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PERKEMBANGAN JEJANTAS PEJALAN KAKI DI DENGKIL CENTRE
POINT (UITM)**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini projek pembinaan jejantas pejalan kaki di Dengkil Centre Point berhadapan UiTM Dengkil? Penyelesaian jangka pendek diperlukan bagi menjaga keselamatan pejalan kaki khususnya pelajar-pelajar UiTM agar tidak berlaku lagi kemalangan yang meragut nyawa.

JAWAPAN:

- a) Projek pembinaan jejantas pejalan kaki di hadapan UiTM Dengkil telah dipohon di bawah program menggantikan jambatan RMKe-12 dan telah diangkat kepada Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 6 Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ISU MOT PUTRA PERDANA

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu MOT Taman Putra Perdana terus menjadi isu utama penduduk yang berpanjangan dan perlu campurtangan Kerajaan Negeri agar rakyat tidak terus berada dalam keadaan terumbang ambing berkenaan status tanah mereka. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai jalan bagi mempercepatkan proses penyelesaian isu ini agar tidak terus dijadikan modal politik yang akhirnya tidak mendatangkan keuntungan kepada sesiapa?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KAJIAN MENYELURUH PENGAWASAN CERUN

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu pengawasan cerun khususnya di kawasan-kawasan yang dilanda banjir di Dengkil kerap berlaku dewasa ini. Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperhalusi SOP pengawasan cerun bagi kawasan yang berisiko tinggi serta apa penyelesaian Kerajaan Negeri bagi mencegah tanah runtuh dari terus menghantui penduduk yang terjejas?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis sentiasa membuat pemantauan kerja-kerja tanah di kawasan Sungai Merab, terutamanya di kawasan cerun yang boleh mengakibatkan banjir lumpur dan keruntuhan cerun. Tindakan kompaun dan notis kepada pemaju dan pengusaha kerja tanah yang tidak mempunyai kelulusan juga dikeluarkan seperti di dalam jadual di bawah. Pihak Majlis juga akan memperketatkan SOP bagi kelulusan kerja tanah di kawasan cerun.

Perkara	Bilangan
Kompaun	25
Notis Arahan	25
Notis Arahan berhenti kerja	25